



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

SIARAN MEDIA

PELANCARAN KIT PERKHIDMATAN AWAM

Menerajui Kecemerlangan Pegawai Awam dalam Memahami Sistem Pentadbiran Negara

PUTRAJAYA, 30 April 2025 – Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) hari ini telah melancarkan **Kit Perkhidmatan Awam**, selaras dengan aspirasi nilai MADANI *Keyakinan* serta prinsip H.E.M.A.T. dalam kerangka nilai *Hijrah Tata Kelola*. Inisiatif ini merupakan sebahagian daripada **usaha berterusan untuk memperkukuh Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam**, yang disempurnakan oleh YBhg. Tan Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz, **Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA)**.

Peluncuran kit ini menandakan **komitmen JPA** dalam memastikan pegawai awam, memahami dengan lebih mendalam mengenai sistem pentadbiran Kerajaan MADANI yang progresif. Ia juga bertujuan memperkasa pembangunan kompetensi agar lebih kompetitif, inklusif, dan berdaya saing dalam mendukung Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam ke arah yang lebih cemerlang.

KIT PERKHIDMATAN AWAM:

Kit Perkhidmatan Awam merupakan **panduan khusus** yang digariskan untuk memperkukuh kefahaman pegawai awam khususnya pegawai lantikan baharu, terhadap sistem pentadbiran negara, bermula dari fasa pelantikan, perkhidmatan sehinggalah ke fasa persaraan. Kit ini menjadi landasan penting untuk mempercepatkan proses penyesuaian diri pegawai dengan ekosistem perkhidmatan awam secara efektif dan berdaya saing.

Dengan tekad untuk melahirkan pegawai awam yang berketerampilan, efisien dan berwibawa, JPA komited memperkukuh sektor awam melalui penyediaan dasar dan peraturan yang menyeluruh. Usaha ini adalah untuk membentuk modal insan yang berjiwa besar, berilmu, berkemahiran tinggi, berintegriti dan berprestasi cemerlang demi memastikan sektor awam terus menjadi tunjang kepada kemajuan dan kesejahteraan negara.

Kit Perkhidmatan Awam ini disusun dengan menjadikan prinsip-prinsip berikut sebagai teras utama pelaksanaannya:

- i) **Panduan awal yang jelas**
Memahami struktur organisasi, budaya kerja serta etika dan nilai-nilai dalam perkhidmatan awam.
- ii) **Pengenalan kepada tugas dan tanggungjawab**
Maklumat mengenai peranan, skop kerja dan jangkaan prestasi.
- iii) **Pendedahan kepada hak dan faedah**
Menjelaskan faedah seperti cuti, elaun, pencen, dan kemudahan lain yang layak diterima oleh pegawai awam.
- iv) **Maklumat prosedur pentadbiran**
Pegawai baharu boleh memahami prosedur-prosedur penting seperti permohonan cuti, tuntutan dan sistem penilaian prestasi.

PELAKSANAAN

Mulai 29 April 2025, Kit Perkhidmatan Awam kini boleh diakses secara rasmi melalui Portal Rasmi Jabatan Perkhidmatan Awam di pautan <https://docs.jpa.gov.my/docs/flipbook/KIT-PERKHIDMATAN-AWAM/4/>.

####

Jabatan Perkhidmatan Awam

Tarikh : 30 April 2025
E-mel : komunikasi@jpa.gov.my
No. Rujukan : JPA.100-9/1/2 Jld.3 (8)